

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID**

**(KOTA TINGGI)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 11.06.2015**

**Y.B. DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID [ KOTA TINGGI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pelan strategik dan langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia untuk mengukuhkan nilai Ringgit di dalam pasaran.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, penyusutan kadar pertukaran nilai ringgit sejak September 2014 bukanlah suatu kes terpencil dan ianya didorong terutamanya oleh faktor luaran. Mata wang

serantau yang lain, termasuk ringgit Malaysia turut mengalami penyusutan nilai antara 1% sehingga 11.2% berbanding dolar AS sejak September 2014 hingga 13 Mei 2015. Pengukuhan dolar AS adalah disebabkan oleh prospek ekonomi AS yang semakin baik dan kemungkinan kenaikan kadar faedah di AS yang menarik minat pelabur terhadap aset dalam nilai dolar AS. Selain itu, negara-negara pengeksport komoditi, termasuk Malaysia, turut mengalami kesan ekor kejatuhan harga minyak mentah dunia.

2. Berdasarkan perkembangan terkini, prestasi mata wang ringgit telah semakin pulih dan lebih stabil. Malahan, ringgit merupakan antara mata wang yang telah mencatatkan prestasi terbaik berbanding mata wang serantau sejak April 2015. Ringgit menambah nilai sebanyak 3.1% berbanding dolar AS. Ringgit juga menambah nilai berbanding semua mata wang serantau antara 0% sehingga 6.8%. Penambahan nilai ringgit adalah terutamanya disumbangkan oleh kenaikan harga minyak mentah global. Nilai ringgit juga turut meningkat disebabkan oleh penyusutan nilai dolar AS berikutan jangkaan pasaran terhadap penangguhan US Federal Reserve (Fed), dengan izin, untuk mengembalikan kadar faedah ke paras yang lebih wajar.

3. Seperti mana-mana sistem kadar pertukaran yang fleksibel, turun naik jangka masa pendek adalah sesuatu yang mungkin berlaku, terutamanya dalam persekitaran global yang tidak menentu. Objektif dasar Kerajaan menerusi Bank Negara Malaysia (BNM) adalah untuk memastikan keadaan yang teratur dalam pasaran pertukaran asing ringgit dan mengelakkan turun naik yang ketara dalam kadar pertukaran. Ini adalah penting memandangkan Malaysia merupakan sebuah ekonomi yang sangat terbuka dengan aktiviti perdagangan dan pelaburan antarabangsa yang tinggi. Usaha-usaha yang dilaksanakan untuk membangunkan dan memperdalamkan pasaran pertukaran asing dalam negeri dari segi saiz dan instrumen juga telah membolehkan peniaga tempatan untuk berlindung daripada terdedah kepada ketidakstabilan kadar pertukaran melalui perlindungan nilai.